



17 Disember 2014
17 December 2014
P.U. (A) 334

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN
BAGI KOS YANG BERHUBUNGAN DENGAN LATIHAN
UNTUK PEKERJA BAGI PELAKSANAAN CUKAI BARANG
DAN PERKHIDMATAN) 2014

*INCOME TAX (DEDUCTION FOR COST RELATING TO
TRAINING FOR EMPLOYEES FOR THE IMPLEMENTATION
OF GOODS AND SERVICES TAX) RULES 2014*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI KOS YANG BERHUBUNGAN DENGAN LATIHAN UNTUK PEKERJA BAGI PELAKSANAAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dibaca bersama dengan perenggan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Kos yang berhubungan dengan Latihan untuk Pekerja bagi Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan) 2014**.

(2) Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2014 dan tahun taksiran 2015.

Potongan

2. (1) Dalam menentukan pendapatan larasan bagi orang yang layak daripada perniagaannya dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, suatu potongan hendaklah dibenarkan bagi perbelanjaan yang dilakukan oleh orang yang layak itu dalam melatih pekerjaanya di bawah program latihan perakaunan atau teknologi maklumat dan komunikasi yang dijalankan di Malaysia bagi maksud pelaksanaan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 sebagaimana yang disahkan oleh Ketua Pengarah Kastam dan Eksais.

(2) Orang yang layak yang disebut dalam subkaedah (1) ialah seseorang yang merupakan—

(a) pemastautin di Malaysia; dan

(b) orang berdaftar atau orang kena cukai sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [Akta 762].

(3) Pekerja yang disebut dalam subkaedah (1) ialah seorang pekerja yang merupakan—

(a) seorang warganegara Malaysia; dan

(b) seorang pekerja sepenuh masa orang yang layak.

(4) Potongan yang dibenarkan di bawah subkaedah (1) adalah tambahan kepada suatu potongan yang dibenarkan di bawah seksyen 33 Akta.

Ketidakpakaian

3. Kaedah-Kaedah ini tidak terpakai bagi orang yang layak dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran jika orang yang layak itu telah menuntut—

(a) suatu potongan berhubung dengan kos program latihan itu bagi tahun taksiran itu di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Latihan yang Diluluskan) 1992 [P.U. (A) 61/1992]; atau

(b) kos program latihan itu daripada Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia yang ditubuhkan di bawah seksyen 22 Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 [Akta 612].